



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

PEMETERAIAN PERJANJIAN BAHARU PROJEK KERJASAMA ANTARABANGSA KONSERVASI GIANT PANDA

Saya telah mewakili negara dalam Majlis Pertukaran Perjanjian Baharu Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China (RRC) bersama Tuan Yang Terutama Ouyang Yujing, Duta China ke Malaysia mewakili Republik Rakyat China pada 16 April 2025 di Kompleks Sri Perdana, Putrajaya.

Projek kerjasama ini merupakan simbol persahabatan erat antara Malaysia dan China. Ia memupuk diplomasi konservasi, selari dengan semangat Malaysia MADANI yang mengutamakan kerjasama antarabangsa dalam usaha kelestarian.

Majlis disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden RRC bersempena dengan Lawatan Negara Presiden RRC ke Malaysia bermula 15 hingga 17 April 2025.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Dato' Haji Abdul Kadir Abu Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bagi pihak Kerajaan Malaysia dan Yan Jian, Setiausaha Agung, China Wildlife Conservation Association (CWCA) bagi pihak RRC.

Malaysia melalui perjanjian terdahulu yang dimeterai pada 15 Jun 2012 telah menerima sepasang *Giant Panda* untuk tempoh 10 tahun ditempatkan di Pusat Konservasi Giant Panda, Zoo Negara.

Dalam tempoh ini, Malaysia telah menunjukkan pencapaian luar biasa dalam konservasi ex-situ *Giant Panda* dengan kelahiran tiga ekor anak *Giant Panda*. Ketiga-tiga anak *Giant Panda* telah dihantar pulang ke RRC sebagai mematuhi terma perjanjian.

Pemeteraihan Perjanjian Baharu Projek Kerjasama Antarabangsa Konservasi *Giant Panda* membolehkan Malaysia menerima pasangan *Giant Panda* baharu bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Saya berharap *Giant Panda* yang merupakan utusan khas daripada RRC dapat menggalakkan lagi persefahaman dan kerjasama erat di antara kedua-dua negara. Malaysia akan terus komited dalam usaha kerjasama dengan Negara China demi konservasi dan meningkatkan kerjasama saintifik dalam pemeliharaan spesies hidupan liar ikonik *Giant Panda*.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

17 APRIL 2025

